

09/09/2000

Mirzan setuju selesai saman RM150 juta

Munira Yusoff

KUALA LUMPUR, Jumaat - Ahli perniagaan, Mirzan Mahathir, hari ini bersetuju menyelesaikan tuntutan saman malu RM150 juta yang dikemukakan terhadap syarikat pencetak Star Papyrus Printing Sdn Bhd.

Prosiding penyelesaian kes itu direkodkan di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Dr Kamalanathan Ratnam hari ini tanpa menyatakan jumlah ganti rugi yang dipersetujui pihak terbabit.

Mirzan yang hadir di mahkamah, diwakili peguam Datuk V K Lingam dan R Thayalan, manakala defendan diwakili Bhag Singh dan Amizaizul Izral.

Mirzan memfailkan saman itu pada 28 Januari tahun lalu terhadap anak syarikat Star Publications (M) Bhd itu, yang mencetak The Asian Wall Street Journal (AWSJ) edisi Kuala Lumpur.

Saman itu berhubung artikel yang disiarkan dalam AWSJ keluaran 4 Januari 1999 bertajuk: Mahathir's eldest son limits ambitions (anak sulung Mahathir mengehadkan cita-citanya) yang ditulis oleh G Bruce Knecht.

Dalam pernyataan tuntutanannya, Mirzan mendakwa artikel itu memfitnahnya dengan membawa maksud beliau membina empayar perniagaannya bukan atas kemampuannya tetapi mendapat faedah daripada keistimewaan, nepotism dan pilih kasih.

Dalam pernyataan pembelaan pula, defendan menafikan artikel yang disiarkan diakhbar The Asian Wall Street Journal (AWSJ), memfitnah anak Perdana Menteri itu.

Dalam prosiding hari ini, mahkamah diberitahu kedua-dua pihak bersetuju menyelesaikan tuntutan itu secara baik.

Berikutan itu, defendan menarik balik kenyataannya manakala plaintif menarik balik saman itu termasuk dakwaan niat jahat terhadap defendan.

Sehubungan itu, Dr Kamalanathan membatalkan saman itu tanpa perintah untuk kos.

(END)